



JENIS-JENIS AYAT

Berdasarkan pola-pola ayat tadi dapat dihasilkan empat jenis ayat, iaitu:

Jenis Ayat	Contoh Ayat
Ayat Penyata	Saya dan keluarga tinggal di sini sejak saya dilahirkan.
Ayat Tanya	Bagalmanakah kejadian tersebut boleh berlaku?
Ayat Seru	Wah, indahnya pemandangan sawah padi yang sedang menguning!
Ayat Perintah	Slapkan tugas yang telah saya berikan semalam.

Ayat Perintah

Ayat perintah pula terdiri daripada empat jenis seperti yang berikut:

Jenis Ayat Perintah	Contoh Ayat
1. Ayat Suruhan	Masukkan semua sampah ke dalam tong sampah.
2. Ayat Larangan	Jangan pijak rumput yang baru ditanam itu.
3. Ayat Permintaan	Ambilkan saya segelas air sejuk.
4. Ayat Silaan	Jemputlah makan hidangan yang terhidang itu.



Latihan Pengukuhan

A. Nyatakan jenis ayat bagi ayat-ayat di bawah ini.

- Keluarkan buku latihan kalian dan salin nota ini dengan kemas.

- Eh, saya lulus ujian itu walaupun soalnya agak susah!

- Jam tangan di dalam kotak ini kamu beli di mana?

- Belajarlah dengan tekun agar kejayaan menjadi milik kalian nanti.

5. Dengan siapa dia datang ke sekolah setiap pagi?

6. Baju itu dibasuhnya lalu disidainya pada ampaian di belakang rumah.

7. Keluar dari sini dengan segera agar kamu terselamat daripada masalah.

8. Pergi kamu dari bilik saya dan jangan masuk lagi tanpa kebenaran.

9. Hanya Salina yang lulus dengan cemerlang dalam ujian bulanan ini.

10. Kami membeli buku cerita itu dari kedai buku sekolah kita.

B. Nyatakan jenis ayat perintah bagi ayat-ayat di bawah.

1. Janganlah kamu pergi ke hutan itu lagi tanpa kebenaran.

2. Tolong berikan buku ini kepada guru kelas kamu nanti.

3. Silalah masuk dulu, nanti saya panggilkan ibu bapa saya.

4. Datanglah ke rumah saya pada petang ini untuk jamuan hari jadi.

5. Kamu ditegah daripada memasuki kawasan berbahaya ini.

6. Ambil wang ini dan belikan saya ubat sakit kepala cap Bintang.

7. Anda tidak dibenarkan membuang sampah di sini sesuka hati.

8. Dapatkan bantuan daripada budak pintar itu jika kamu ada masalah.

9. Usahlah dikenang lagi peristiwa lalu kerana tiada faedahnya lagi.

10. Letakkan pinggan yang sudah digunakan di dalam singki di dapur.
